



KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA

LAWAN

CLASSIC PALM OIL MILL SDN BHD

(NO. SYARIKAT: 923386-T / 201001039462)

29 Mac 2024– Classic Palm Oil Mill Sdn Bhd merupakan premis pembuatan minyak sawit mentah di atas **Lot 514 & 515, Kampung Tiong, 73400 Gemas, Daerah Tampin** di dalam negeri **Negeri Sembilan**.

2. Pada 24 Oktober 2020 pada jam lebih kurang **12.30 tengahari** hingga jam lebih kurang **2.50 petang**, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan di tapak dijalankan didapati:-

- i) gagal memberi Pemberitahuan Bertulis (Notifikasi) kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar bagi pembinaan `decanter dryer' baru merujuk kepada Peraturan 5(1)(d) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014;
- ii) gagal melaporkan kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar dalam tempoh 1 jam apabila berlakunya kegagalan pengendalian Sistem Kawalan Pencemaran Udara (smoke density meter) merujuk kepada Peraturan 8, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan

- iii) gagal menjalankan pemantauan prestasi Sistem Kawalan Pencemaran Udara merujuk kepada Peraturan 9(b), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014..

3. Diakhir kes pembelaan tersebut, pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes. Pihak OKS hadir yang diwakili oleh Hidayah binti Md. Said selaku Jurutera premis. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Muhammad Fitri bin Soroni dan Zainoorliza binti Zainal Abidin.

4. Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Diana binti Md. Razali telah mensabitkan ketiga-tiga kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut. Premis telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 60,000.

5. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

- i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)
- ii. Call centre 1-800-88-2727
- iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 29 MAC 2024